



جَبَاتِن كَهَاكِيمَن شَرِيَةِ مَالِيسِيَا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
MALAYSIA

Tel :603-88709200 / 9201

Faks : 603-8870 9500

Portal Rasmi :

www.jksm.gov.my

Blok C, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Persint 3 62100 PUTRAJAYA

Ruj.Kami:JKSM.600-1/2/4 JLD 8 (30)

Tarikh : 11 Syaaban 1446H

: 10 Februari 2025

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-negeri.

ARAHAN AMALAN NO.7 TAHUN 2024

GARIS PANDUAN TATACARA MENCABAR KEBOLEHPERCAYAAN SAKSI

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 5hb. Jamadilawal 1446H bersamaan 7hb. November 2024 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan berhubung dengan Garis Panduan Tatacara Mencabar Kebolehpercayaan Saksi dalam Kes Mal dan Jenayah seperti di lampiran.

Arahkan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.

(DATO' HJ MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

LAMPIRAN

GARIS PANDUAN TATACARA MENCABAR KEBOLEHPERCAYAAN SAKSI

BAHAGIAN 1 – NAMA DAN PEMAKAIAN

1. Garis Panduan ini boleh dinamakan sebagai Garis Panduan Tatacara Mencabar Kebolehpercayaan Saksi (selepas ini dipanggil Garis Panduan).
2. Garis Panduan ini diwujudkan bagi menjelaskan dengan terperinci berkaitan dengan tatacara mencabar kebolehpercayaan saksi serta memastikan pelaksanaan prosiding yang seragam dan bertepatan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.

BAHAGIAN 2 – TATACARA MENCABAR KEBOLEHPERCAYAAN SAKSI

1. Cabaran kebolehpercayaan saksi boleh dibuat di mana-mana peringkat prosiding oleh pihak yang memanggil saksi atau pihak yang menentang berdasarkan kepada seksyen 108 Akta/Enakmen/Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah.
2. Pihak yang menentang boleh mencabar kebolehpercayaan saksi tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Mahkamah melalui proses pemeriksaan balas oleh pihak yang menentang.
3. Cabaran boleh dibuat dengan Pemohon mengemukakan keterangan bahawa saksi berkenaan tidak boleh dipercayai atau telah menerima sogokan atau pernyataan saksi di dalam kes ini bercanggah dengan mana-mana pernyataan lain saksi itu.
4. Pihak yang memanggil hendaklah menyatakan dengan jelas fakta yang ingin dicabar dan menyatakan sama ada cabaran tersebut terhadap keseluruhan atau sebahagian daripada keterangan saksi tersebut.

5. Sekiranya pihak yang memanggil ingin mencabar kebolehpercayaan saksi atas alasan wujud percanggahan keterangan saksi dengan mana-mana pernyataan bertulis saksi atau mana-mana pernyataan saksi dalam mana-mana kes, Mahkamah hendaklah menjalankan prosiding seperti berikut:

(i) Memastikan terdapat pernyataan saksi secara bertulis atau rekod pernyataan saksi di dalam mana-mana kes yang sebelum ini yang diekshibitkan di dalam affidavit Pemohon.

(ii) Meminta saksi untuk membuat pengecaman kepada penyata keterangannya yang sebelum ini dan disahkan di hadapan Mahkamah.

(iii) Semasa perbandingan dibuat, Mahkamah hendaklah mengambil perhatian kepada empat kategori percanggahan sebagai asas keputusan Mahkamah iaitu—

(a) Perbezaan kecil yang tidak termasuk dalam pengertian percanggahan (*minor differences, not amounting to discrepancies*). Contohnya perbezaan jumlah bilangan anak seperti dua dan tiga orang anak atau jenis pekerjaan Defendan seperti bekerja sendiri dengan kerja mengambil upah.

(b) Percanggahan nyata (*apparent discrepancies*). Contohnya percanggahan jumlah pendapatan bulanan Defendan di antara RM2,000.00 sebulan dengan RM4,000.00 sebulan sedangkan Defendan masih melakukan pekerjaan yang sama atau percanggahan berhubung tempat tinggal Plaintiff seperti tinggal di flat dengan kondominium.

(c) Percanggahan yang serius (*serious discrepancies*). Contohnya percanggahan pekerjaan Defendan di antara bekerja sebagai penjawat awam dengan seorang ahli perniagaan atau percanggahan alamat tempat tinggal Plaintiff di antara tinggal di Kelantan dengan Terengganu.

(d) Percanggahan yang material (*material contradictions*). Sebagai contoh, percanggahan pekerjaan Defendan di antara mempunyai pekerjaan dengan tidak mempunyai pekerjaan atau mempunyai anak dengan tidak mempunyai anak.

(iv) Jika Mahkamah mendapati percanggahan yang berlaku ialah perbezaan yang kecil sahaja seperti dalam kategori (a) di atas, Mahkamah hendaklah memulangkan pernyataan saksi kepada pihak yang memanggilnya dan memutuskan cabaran kepada kewibawaan saksi tidak diteruskan.

(v) Bagi maksud perenggan 4, jika Mahkamah mendapati percanggahan yang berlaku ialah percanggahan dalam kategori (b) atau (c) atau (d) di atas, maka pihak yang memanggil saksi akan dimaklumkan berhubung dapatan percanggahan tersebut oleh Mahkamah. Setelah itu pihak yang memanggil boleh memohon kepada Mahkamah agar pernyataan saksi (yang bercanggah tersebut) diterima masuk dan kemudian ditanda sebagai 'P' hanya untuk tujuan mencabar kebolehppercayaan saksi.

6. Sekiranya pihak yang memanggil saksi tersebut berhasrat untuk mencabar kebolehppercayaan saksinya sendiri, pihak tersebut hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Mahkamah dan boleh dibuat secara lisan semasa prosiding kes di Mahkamah.
7. Setelah Mahkamah mempertimbangkan asas permohonan pemohon, Mahkamah boleh membuat keputusan terhadap permohonan itu sama ada membenarkan atau menolak permohonan pihak yang memanggil saksi untuk mencabar kebolehppercayaan saksinya.
8. Sekiranya mahkamah membenarkan permohonan tersebut, mahkamah boleh, membenarkan prosiding mencabar kebolehppercayaan saksi di dalam prosiding itu atau boleh menangguhkan prosiding kes itu dalam tempoh tertentu bagi menjalankan prosiding bicara di dalam bicara.
9. Semasa prosiding mencabar kebolehppercayaan saksi, pihak yang memanggil boleh menyoal balas saksi tersebut dan boleh memanggil mana-mana saksi.

Sekiranya pihak yang memanggil mengemukakan sebarang keterangan dokumentar, keterangan dokumentar yang diterima atau ditolak oleh mahkamah hendaklah ditandakan.

9. Dalam prosiding mencabar kebolehpercayaan saksi, Mahkamah hendaklah memastikan soalan dan keterangan yang diberikan adalah terhad kepada perkara berkenaan sama ada saksi adalah seorang yang tidak boleh dipercayai atau telah menerima sogokan atau terdapat percanggahan yang nyata antara keterangan yang diberikan dalam kes induk dengan keterangan lain saksi itu.
10. Jika Mahkamah mendapati pihak yang memanggil gagal membuktikan dakwaannya, Mahkamah hendaklah menolak permohonan tersebut dan hendaklah meneruskan perbicaraan kes induk setakat mana prosiding tersebut terhenti.
11. Jika pemohon berjaya membuktikan fakta terhadap saksi berhubung dengan seksyen 108(a) atau 108(b) atau 108(c) Akta/Enekmen/Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah, maka Mahkamah boleh mensabitkan bahawa saksi tersebut adalah tidak boleh dipercayai dan boleh memerintahkan keterangan saksi tersebut ditolak sepenuhnya atau ditolak sebahagiannya.
12. Bentuk/format Perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah mestilah mengandungi elemen berikut :
 - (i) Sabitan fakta terbukti /tidak terbukti berdasarkan seksyen 108 (a) atau (b) atau (c);
 - (ii) Sabitan saksi tidak boleh dipercayai keterangannya; dan
 - (iii) Keterangan saksi keseluruhannya atau sebahagiannya atau berkenaan dgn fakta tertentu ditolak.